

**NO. SOALAN : 58**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : YB. DATO' HAJI MOHD ZAIM BIN ABU  
HASAN [ PARIT ]**

**SOALAN :**

**YB. Dato' Haji Mohd Zaim bin Abu Hasan [ Parit ] minta MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN menyatakan mengapa masih terdapat lagi kes penipuan mengerjakan umrah, walaupun Kerajaan telah menguatkuasakan peraturan baru.**

**JAWAPAN** : **DATO' SERI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ**  
**MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi membendung kes-kes penipuan pengendalian pakej umrah, Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia telah menubuhkan Majlis Kawal Selia Umrah (MKSU) yang telah diumumkan penubuhannya oleh Menteri Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia pada 28 Ogos 2014. Majlis ini berperanan sebagai badan penyelaras untuk mengawal selia perkara-perkara berhubung dengan pengendalian pakej umrah serta bertindak sebagai pusat sehenti terhadap sebarang aduan yang berkaitan dengan pengendalian pakej umrah daripada orang ramai.

Antara langkah yang telah dan sedang diambil bagi menangani isu penipuan pakej umrah adalah :-

- (i) Pengenalan Harga Minimum
- (ii) Pengenalan Lesen Khas Umrah
- (iii) Penurunan Kuasa Penguatkuasaan Kepada Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR)
- (iv) Hebahan / Kempen Kesedaran Umrah
- (v) Meningkatkan aktiviti pemantauan dan penguatkuasaan

Berdasarkan aduan-aduan yang diterima oleh Kementerian dan juga melalui maklum balas daripada ahli Majlis Kawal Selia Umrah (MKSU), kes-kes penipuan pengendalian pakej umrah mempunyai modus operandi yang berbeza-beza. Oleh yang demikian, walaupun sesuatu peraturan baru

digubal dan dikuatkuasakan, ini tidak dapat menghapuskan kes-kes penipuan umrah secara sepenuhnya.

Sehubungan dengan itu, melalui penubuhan Majlis Kawal Selia Umrah (MKSU), kerjasama penguatkuasaan bersama dengan agensi-agensi penguatkuasaan yang berkaitan dipertingkatkan bagi memastikan kes-kes penipuan ini dapat dikawal, dibendung dan diselesaikan secara lebih efektif.

Sekian, terima kasih.